

# PRODUCT DISCLOSURE SHEET

Read this Product Disclosure Sheet before you decide to take up the Standard Chartered Bank Credit Card or the PLC facility (see below). Be sure to also read the Customer Terms, the Credit Card Terms, Additional Credit Card Services Guidelines, and all other documents referred to in Part A of the Customer Terms (collectively our "banking agreement").

## Standard Chartered Bank Malaysia Berhad

Name of product:

- |   |   |
|---|---|
| <input type="checkbox"/> Classic / Gold / Business Visa Gold / Platinum / Business Visa Platinum / WorldMiles Card / Standard Chartered Visa Translucent Credit Card / JustOne Platinum MasterCard<br>(Minimum credit limit: RM3,000) | <input type="checkbox"/> Preferred World MasterCard Credit Card<br>(Minimum credit limit: RM15,000)     |
|   | <input type="checkbox"/> Priority Banking Visa Infinite Credit Card<br>(Minimum credit limit: RM50,000) |

*Note: The actual card type and credit limit is subject to the Bank's approval, which will be made known to you when you receive your card.*

Date: \_\_\_\_\_

## 1 What is this product about?

**Credit Card** – This is an unsecured credit facility that the Bank grants you along with a plastic card. You can use a credit card to make payment for goods and services at a merchant or to withdraw cash from an ATM machine, as a cash advance.

Every month, the Bank will send you a bill/statement to make payment for charges made to the credit card. The outstanding balance will be reflected on the statement and you can choose to make a full payment or a minimum/partial payment (i.e. customers can "revolve" on their balance at the cost of having interest charged).

\*\*You have also applied for the following **Private Label Card (PLC)** facility, where a **PLC Account** will be created:

- \*\* (a) Balance Transfer (BT) / Balance Transfer PLUS (BT PLUS)** – This allows Principal Cardholders to transfer your outstanding balances with other banks' credit cards or line of credit to your Standard Chartered Bank Credit Cards, on a payment by instalment arrangement. We will debit an amount you specify from your credit card and pay the amount towards the outstanding balance under another credit card with us or another financial institution.
- \*\* (b) Cheque-On-Call Plus (COC Plus)** – This allows you to obtain cash in advance from your credit card and pay by instalments at lower cash interest rate as compared to normal cash advance interest rate.
- \*\* (c) FlexiPay (FOP)** – This allows you to convert big ticket purchases charged to your Standard Chartered Bank Credit Card into monthly instalments. You will need to specify the purchase transaction which you wish to convert to the FlexiPay and the tenure of instalments.
- \*\* (d) Flexi-On-Balance (FOB)** – This allows Cardholders who have balance owing on Standard Chartered Bank Credit Card purchases to pay the balance in instalments.

# Upon approval of your application for the above PLC facility, a PLC Account will be allocated to you and combined with your existing credit card account. We will debit your PLC Account with the instalments payable on a monthly basis for the duration of the PLC facility. No physical cards will be issued to you for PLC facilities. Every month, the Bank will send you a statement for the amount which you are required to pay for the PLC facility.

*Note: Both your credit card and PLC facility application is subject to the Bank's approval at its sole and absolute discretion.*

## 2 What do I get from this product?

- Total credit limit: <Subject to the Bank's approval which will be made known to you.>  
This credit limit will be shared with all PLC Accounts and all Supplementary Cards issued.

- The finance/interest charges are as follows:

### Retail transactions

Based on prior prompt repayment of the minimum/full payment for:

- i. Last 12 consecutive months: 15% p.a.
- ii. 10 months or more within the last 12 consecutive months: 17% p.a.
- iii. Less than 10 months within the last 12 consecutive months: 18% p.a.

Finance charges are calculated on the outstanding amount on a daily basis. Standard Chartered Visa Translucent Credit Card has different finance/interest charges. Please refer to Standard Chartered Visa Translucent Credit Card finance/interest charges section for more information.

To enjoy lower finance charges for retail transactions, you should make at least 10 prompt payments in the last 12 months.

### Retail purchases

- i. Interest-free period – 20 days from statement date, if all outstanding balance of the previous month is fully paid.
- ii. No interest-free period – if the Cardholder opts to pay a partial or minimum amount within the due date, finance charges on the retail transaction (excluding Cash Advance/Balance Transfer/Balance Transfer PLUS/Cheque-On-Call Plus/FlexiPay/Flexi-On-Balance) will be imposed from the day the transaction is posted to the card account.

### Cash Advance

A Cash Advance fee of up to 5% or a minimum of RM25 will be imposed for each transaction (applicable to credit cards and Cheque-On-Call Plus).

Finance charges (18% p.a.) of the outstanding amount are computed on a daily basis from the transaction date until full repayment date. Standard Chartered Visa Translucent Credit Card has different finance charges. Please refer to Standard Chartered Visa Translucent Credit Card finance charges section for more information.

### Standard Chartered Visa Translucent Credit Card Finance / Interest Charges

The following interest rates are applicable for the Standard Chartered Visa Translucent Credit Card for retail transactions and cash advances. Based on prior prompt repayments of the minimum/full payment for:

- i. Last 12 consecutive months and new customers: 8.88% p.a.
- ii. Less than 12 months within the last 12 consecutive months: 16.99% p.a.

### # PLC Account(s)

(Balance Transfer / FlexiPay / Flexi-On-Balance): Calculation of the monthly instalment (flat rate calculation) for all PLC facilities is based on the following formula:-

Monthly repayment/monthly instalment charged per month =

$$\frac{[(\text{Interest rate} \times \text{total amount approved} \times \text{tenure}/12) + \text{total amount approved}]}{\text{Tenure}}$$

(Balance Transfer PLUS / Cheque-On-Call PLUS): Monthly instalments are fixed. Total interest will be calculated upfront by multiplying the approved loan amount by the approved flat interest rate of up to 9.88% (which is an equivalent effective interest rate "EIR" of up to 17.98%) for the full instalment tenure.

Interest is calculated on a reducing balance basis. The Bank has the right to determine the proportion of the monthly instalment which relates to the payment of principal amount and the interest amount for each instalment so that the Cheque-On-Call Plus / Balance Transfer PLUS monthly instalments remain the same throughout the instalment period.

Tenure available:

Months/PLC Facility	6	9	12	18	24	36	48	60
BT								
BT PLUS								
COC Plus								
FOP								
FOB								

Interest rate: Subject to the Bank's approval at its sole and absolute discretion and will be advised to the Cardholder.

#### Credit Card 24-Hour Automated Phone Enquiries System

Your Telephone Identification Number (TIN) will be sent to you upon approval of your application. With the TIN, you can start to use the Credit Card 24-Hour Automated Phone Enquiries System. (For existing Standard Chartered Bank Customers, you can use your existing TIN to enjoy the Automated Phone Enquiries Services on your new Credit Card account.)

### 3 What are my obligations?

#### Credit Card Account

- To make at least the minimum monthly repayment of 5% of the total outstanding balance or RM50, whichever is higher, on the due date.
- As Principal Cardholder, you are also liable to pay for transactions made by your Supplementary Cardholders (if any).
- You must notify us immediately if you become aware that your card has been lost, stolen or misused.

#### # PLC Account

- Monthly instalment: To be advised by the Bank upon approval of the PLC facility.
- The total amount you must pay back, including the amount borrowed, is: To be advised by the Bank upon approval of the PLC facility.
- (For Balance Transfer / FlexiPay / Flexi-On-Balance) To make at least the stipulated minimum payment on the due date.
- (For Balance Transfer PLUS / Cheque-On-Call Plus) To pay the full monthly instalment due on the due date each month.

### 4 What are the fees and charges I have to pay?

#### Annual Fees

	Principal Card	Supplementary Card
Classic	RM90	RM50
Gold	RM175	RM100
Business Visa Gold	RM200	N/A
Platinum	RM250	RM135
Business Visa Platinum	RM300	N/A
JustOne Platinum MasterCard	RM250	Free
Preferred World MasterCard	RM350	Free
Priority Banking Visa Infinite	RM800	RM400

#### Monthly Fees

	Principal Card	Supplementary Card
WorldMiles	RM15	Free
Standard Chartered Visa Translucent Credit Card	RM8	Free

Your annual fee for the WorldMiles Card is payable in 12 monthly payments. It is known as the Miles Membership Fee.

Your annual fee for the Standard Chartered Visa Translucent Credit Card is payable in 12 monthly payments.

#### Late Fees

Up to a minimum of RM10 or 1% of total outstanding balance as at statement date, whichever is higher, capped to a maximum of RM100 per account.

#### Overlimit Service Fee

A fee of RM50 will be charged per occurrence if the Cardholder exceeds his/her approved credit limit. Overlimit Service Fee is not applicable to Standard Chartered Visa Translucent Credit Card.

#### Conversion rate for overseas transactions

The conversion rate is determined by Visa International or MasterCard International plus an administration cost of 1%.

#### Annual Government Service Tax (Effective 1 January 2010)

- Principal Card – RM50 per card per year.
- Supplementary Card – RM25 per card per year.

#### \*\*Applicable for Cheque-On-Call Plus only

Cash Advance fee of up to 5%.

### 5 Automatic Payment Apportionment (APA)

#### There are two available options for card payment:

- If you have subscribed to Automatic Payment Apportionment (APA) – you make payment to only one card account. Your payment will be automatically apportioned to your other account(s). Please note that once you have chosen APA, any manual apportionment that you indicate will be disregarded.
- If you have NOT subscribed to APA – you make payment to each individual card account. If apportionment is not indicated for any of the individual card account number(s), payment will not be made to this account and you shall bear the late payment charges. For cheque payments, kindly indicate your card account(s) number and the amount payable for each card account on the reverse of your cheque.

\* APA will not apply to accounts on Standing Instruction.

### 6 What if I fail to fulfil my obligations?

#### Minimum monthly repayment

- (For normal credit card facilities and for Balance Transfer / FlexiPay / Flexi-On-Balance) The minimum monthly repayment is 5% of the total outstanding balance or RM50 per credit card/PLC Account, **whichever is higher**. The amount of interest you have to pay and the time it takes to repay your balance in full will increase if you pay only the minimum monthly repayment amount.
- (For Cheque-On-Call Plus) The minimum monthly repayment is the full amount of the monthly instalment due. The amount of interest you have to pay and the time it takes to repay your balance in full will increase if you pay anything less than the monthly instalment amount.

#### Late fee

- Up to a minimum of RM10 or 1% of total outstanding balance as at statement date, whichever is higher, capped to a maximum of RM100 per account.

#### Right to set-off

- We have the right to set-off any credit balance in your accounts maintained with us against any outstanding balance in this credit card account.

#### \*\* PLC Account

- Prevailing finance charge of 18% p.a. will be levied on the outstanding balance if the monthly instalment is not paid in full and on time every month.

### 7 What if I fully settle the loan before its maturity?

#### Credit Card Account

Not applicable.

**\*\* PLC Account**

- For Balance Transfer and Cheque-On-Call Plus, you will have to settle in full the remaining pre-determined monthly instalment (comprising both principal and interest) for the entire applicable tenure.
- For FlexiPay and Flexi-On-Balance/Balance Transfer PLUS, you will have to settle in full the remaining principal for the entire applicable tenure.

**8 What are the major risks?**

By paying only minimum monthly repayment, the interest amount and time taken to settle the full amount will increase. Think about your repayment capacity when charging the credit card.

If you use your credit card to make repayment for other financing, it may cost you more.

The finance charges imposed on the outstanding balance on this credit card is based on tiered pricing structure in accordance to your repayment history.

If you have problems paying for your credit card balances, contact us early to discuss repayment alternatives.

You should notify us immediately after having found that your credit card is lost or stolen.

**Liability for transactions**

You will be liable for any loss incurred if you act fraudulently or due to your willful misconduct.

**Default interest**

From the time any amount under our banking agreement is overdue for payment until it is paid, you must pay a late fee (as described in item 6 above) in addition to the finance charges.

If you have problems meeting your repayment obligations, contact us early to discuss repayment alternatives.

**\*\* PLC Account**

- If your credit card is terminated, you will be required to settle all balances due under the PLC facility.
- A prevailing finance charge of 18% p.a. will be levied on the outstanding balance if the monthly instalment is not paid in full and on time every month.

**9 Do I need a guarantor or collateral?**

A guarantor or collateral is not required.

**10 What do I need to do if there are changes to my contact details?**

It is important that you inform us of any change in your contact details to ensure that all correspondences reach you in a timely manner.

**11 Where can I get assistance and redress?**

- If you have difficulties meeting your payment obligations, contact us early to discuss repayment alternatives.

You may contact us at:

Collections Inbound: 1-300-13-1322

Fax: 03-9207 6633 / 03-9207 6634

E-mail: Malaysia.Feedback@sc.com

- Alternatively you may seek the services of Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), an agency established by Bank Negara Malaysia (BNM) to provide free services on money management, credit counseling, financial education and debt restructuring for individuals.
- You may also register for BNM's free "Pengurusan Wang Ringgit Anda (POWER!)" Programme, specially designed to equip you with essential financial knowledge and skills in money and personal debt management. You may get more information about the Programme from leaflets (available at our branches) or from AKPK's website.
- If you are dissatisfied with our service, you may lodge a complaint to us so that we can try and put things right. You can get more details on how and where to make a complaint at any of our branches or at our website [www.standardchartered.com.my](http://www.standardchartered.com.my).
- If your query or complaint is not satisfactorily resolved by us, you may contact Bank Negara Malaysia LINK or TELELINK at:

Block D, Bank Negara Malaysia

Jalan Dato' Onn

50480 Kuala Lumpur

Tel. : 1-300-88-5465

Fax : 03-2174 1515

E-mail : [bnmtelelink@bnm.gov.my](mailto:bnmtelelink@bnm.gov.my)

**12 Where can I get further information?**

Should you require additional information on credit cards, please refer to the *bankinginfo* booklet on "Credit Cards", available at all our branches and the [www.bankinginfo.com.my](http://www.bankinginfo.com.my) website.

If you have any enquiries, please contact us at our Contact Centre (24 hours) at 03-7718 9999.

**IMPORTANT NOTE: LEGAL ACTION MAY BE TAKEN AGAINST YOU IF YOU DO NOT KEEP UP REPAYMENTS ON YOUR CREDIT CARD BALANCES**

The information provided in this disclosure sheet is valid from November 2013.

Effective 23 August 2012, please refer to [standardchartered.com.my/feescharges](http://standardchartered.com.my/feescharges) for full details on the new credit card finance charges and late payment charges.

\*\* Delete whichever not applicable before issuing this document to customer

# Mandatory if PLC product is selected

# RISALAH PENERANGAN PRODUK

Baca Risalah Penerangan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk mengambil Kad Kredit Standard Chartered Bank atau kemudahan PLC (lihat di bawah). Pastikan anda juga membaca Syarat Pelanggan, Syarat Kad Kredit, Garis Panduan Perkhidmatan Kad Kredit dan semua dokumen lain yang dirujuk dalam Bahagian A Syarat Pelanggan (secara kolektif disebut sebagai "perjanjian perbankan" kami).

**Standard Chartered Bank Malaysia Berhad**  
Nama produk:

Kad Kredit Classic / Gold / Business Visa Gold / Platinum / Business Visa Platinum / WorldMiles / Kad Kredit Visa Translucent Standard Chartered / JustOne Cashback Platinum MasterCard (Minimum credit limit: RM3,000)

Kad Kredit Preferred World MasterCard (Had kredit minima: RM15,000)

Kad Kredit Priority Banking Visa Infinite (Had kredit minima: RM50,000)

*Nota: Jenis kad dan penetapan had kredit sebenar akan tertakluk selepas kelulusan pihak Bank dan akan dimaklumkan selepas kelulusan permohonan kad anda.*

Tarikh: \_\_\_\_\_

## 1 Apakah produk ini?

**Kad Kredit** – Produk ini adalah kemudahan kredit tanpa cagaran yang disediakan oleh Bank kepada anda dengan penggunaan kad plastik. Anda boleh menggunakan kad kredit untuk membuat bayaran bagi barangan dan perkhidmatan di kedai saudagar atau untuk mengeluarkan wang tunai dari mesin ATM, sebagai pendahuluan tunai.

Setiap bulan, Bank akan menghantar bil/penyata kepada anda untuk membuat bayaran bagi caj yang telah dikenakan kepada kad kredit. Baki yang tertunggak akan ditunjukkan dalam penyata dan anda boleh membuat bayaran penuh atau bayaran minima/sebahagian (di mana pelanggan boleh memilih untuk tidak membayar dengan penuh di mana faedah akan dikenakan pada baki yang tertunggak tersebut).

\*\*Anda juga telah memohon kemudahan **Private Label Card (PLC)** berikut, iaitu **Akaun PLC** akan diwujudkan:

**\*\* (a) Pemindahan Baki "Balance Transfer" (BT) / Pemindahan Baki PLUS (BT PLUS)** – Ini membolehkan Pemegang Kad Prinsipal memindahkan baki yang tertunggak kad kredit atau barisan kredit anda dengan bank yang lain kepada Kad Kredit Standard Chartered Bank anda, dengan membuat bayaran secara ansuran. Kami akan mendebitkan jumlah yang anda tetapkan daripada kad kredit anda dan membayar jumlah tersebut untuk baki yang tertunggak di bawah kad kredit lain dengan kami atau institusi kewangan yang lain.

**\*\* (b) Cheque-On-Call Plus (COC Plus)** – Ini membolehkan anda memperoleh pendahuluan tunai daripada kad kredit anda dan membayar secara ansuran pada kadar faedah tunai yang lebih rendah berbanding kadar faedah pendahuluan tunai yang biasa.

**\*\* (c) FlexiPay (FOP)** – Ini membolehkan anda menukar transaksi belian yang besar yang dikenakan kepada Kad Kredit Standard Chartered Bank anda kepada ansuran bulanan. Anda perlu menetapkan urusniaga pembelian yang ingin anda tukar ke FlexiPay dan tempoh ansurannya.

**\*\* (d) Flexi-On-Balance (FOB)** – Ini membolehkan Pemegang Kad yang mempunyai baki terhutang bagi pembelian dengan Kad Kredit Standard Chartered Bank membayar baki tersebut secara ansuran.

# Setelah permohonan kemudahan PLC anda di atas diluluskan, Akaun PLC akan diperuntukkan kepada anda dan digabungkan dengan akaun kad kredit anda yang sedia ada. Kami akan mendebitkan Akaun PLC anda dengan ansuran yang perlu dibayar secara bulanan bagi tempoh kemudahan PLC tersebut. Untuk kemudahan PLC, kad fizikal tidak akan dikeluarkan kepada anda. Setiap bulan, Bank akan menghantar penyata kepada anda bagi jumlah yang perlu anda bayar untuk kemudahan PLC tersebut.

*Nota: Permohonan Kad Kredit dan kemudahan PLC anda tertakluk kepada kelulusan Bank mengikut budi bicara mutlaknya.*

## 2 Apakah yang saya peroleh daripada produk ini?

- Jumlah had kredit: <Tertakluk kepada kelulusan Bank yang akan dimaklumkan kepada anda.> Had kredit ini akan dikongsi dengan semua Akaun PLC dan semua Kad Tambahan yang dikeluarkan.
- Caj kewangan/faedah seperti berikut:

### Urusniaga runcit

Berdasarkan kepada pembayaran balik bulanan minima/penuh bagi:

- 12 bulan terakhir berturut-turut: 15% setahun.
- 10 bulan atau lebih dalam tempoh 12 bulan terakhir berturut-turut: 17% setahun.
- Kurang daripada 10 bulan dalam tempoh 12 bulan terakhir berturut-turut: 18% setahun.

Bayaran pembiayaan dikira mengikut baki yang tertunggak dikira secara harian. Kad Kredit Visa Translucent Standard Chartered mempunyai caj kewangan/faedah berlainan. Sila rujuk seksyen caj kewangan/faedah Kad Kredit Visa Translucent Standard Chartered untuk maklumat lanjut.

Bagi transaksi-transaksi runcit, anda boleh menikmati caj kewangan yang lebih rendah dengan hanya perlu membuat bayaran bulanan tanpa tunggakan sekurang-kurangnya 10 bulan dalam masa setahun.

### Transaksi pembelian runcit

- Tempoh bebas faedah – 20 hari daripada tarikh penyata, jika membayar dengan penuh jumlah baki yang tertunggak sebelum atau pada tarikh penyata bil bulan lepas.
- Tiada tempoh bebas faedah – Pemegang Kad yang membayar sebahagian atau minima sebelum atau pada tarikh pembayaran, caj kewangan untuk transaksi pembelian runcit (kecuali Pendahuluan Tunai/Pemindahan Baki/Pemindahan Baki PLUS/Cheque-On-Call Plus/FlexiPay/Flexi-On-Balance) akan dikira daripada tarikh di mana transaksi tertera pada akaun kad.

### Pendahuluan Tunai

Caj kewangan Pendahuluan Tunai sehingga 5% atau minima RM25 akan dikenakan bagi setiap urusniaga (sah untuk kad kredit dan Cheque-On-Call Plus).

Caj kewangan (18% setahun) daripada baki yang tertunggak dikira secara harian daripada tarikh urusniaga sehingga tarikh pembayaran penuh. Kad Kredit Visa Translucent Standard Chartered mempunyai caj kewangan berlainan. Sila rujuk seksyen caj kewangan Kad Kredit Visa Translucent Standard Chartered untuk maklumat lanjut.

### Caj Kewangan / Faedah Kad Kredit Visa Translucent Standard Chartered

Kadar faedah berikut adalah berkenaan Kad Kredit Visa Translucent Standard Chartered untuk transaksi runcit dan pendahuluan tunai. Berdasarkan pembayaran balik sebelum segera pembayaran minimum/penuh untuk:

- 12 bulan berturut-turut terakhir dan pelanggan baru: 8.88% setahun.
- Kurang daripada 12 bulan dalam tempoh 12 bulan berturut-turut: 16.99% setahun.

### # Akaun PLC

(Pemindahan Baki / FlexiPay / Flexi-On-Balance): Pengiraan ansuran bulanan (pengiraan kadar sama rata) bagi semua kemudahan PLC berdasarkan formula berikut:-

Bayaran balik bulanan =

$$\frac{[(\text{Kadar faedah} \times \text{jumlah keseluruhan yang diluluskan} \times \text{tempoh}/12) + \text{jumlah keseluruhan yang diluluskan}]}{\text{Tempoh}}$$

(Pemindahan Baki PLUS / Cheque-On-Call PLUS): Ansuran bulanan adalah tetap. Jumlah faedah akan dikira lebih awal dengan menggandakan amaun pinjaman diluluskan dengan kadar faedah rata yang diluluskan sehingga 9.88% (yang bersamaan dengan kadar faedah efektif (EIF) sehingga 17.98%) untuk sepanjang tempoh ansuran.

Faedah dikira atas dasar pengurangan baki. Bank berhak untuk menentukan pembahagian ansuran bulanan yang berkaitan dengan bayaran amaun prinsipal dan amaun faedah untuk setiap ansuran agar ansuran bulanan Cheque-On-Call PLUS / Pemindahan Baki PLUS kekal sama sepanjang tempoh ansuran.

Tempoh yang ditetapkan:

Bilangan bulanan / Kemudahan PLC	6	9	12	18	24	36	48	60
BT								
BT PLUS								
COC Plus								
FOP								
FOB								

Kadar faedah: Tertakluk kepada kelulusan Bank mengikut budi bicara mutlaknyanya dan akan dimaklumkan kepada Pemegang Kad.

#### Sistem Pertanyaan Telefon Automatik Kad Kredit 24-Jam

Nombor Pengenalan Telefon (TIN) akan dihantar kepada anda selepas kad kredit anda diluluskan. Dengan TIN, anda boleh mula menggunakan Sistem Pertanyaan Telefon Automatik Kad Kredit 24-Jam. (Untuk Pelanggan Standard Chartered Bank sedia ada, anda boleh menggunakan TIN sedia ada anda untuk menikmati Perkhidmatan Pertanyaan Telefon Automatik untuk akaun Kad Kredit baru anda.)

### 3 Apakah obligasi saya?

#### Akaun Kad Kredit

- Membuat sekurang-kurangnya pembayaran balik minima setiap bulan sebanyak 5% daripada jumlah baki yang tertunggak atau RM50, yang mana lebih tinggi pada tarikh akhir pembayaran.
- Sebagai Pemegang Kad Prinsipal, anda juga bertanggungjawab untuk membiayai urusanniaga yang dibuat oleh Pemegang Kad Tambahan anda (jika ada).
- Anda dikehendaki memaklumkan kami dengan serta-merta sekiranya kad anda telah hilang, dicuri atau disalahgunakan.

#### # Akaun PLC

- Ansuran bulanan: Akan dimaklumkan oleh Bank setelah kemudahan PLC diluluskan.
- Jumlah keseluruhan yang mesti anda bayar balik termasuk jumlah yang dipinjam: Akan dimaklumkan oleh Bank setelah kemudahan PLC diluluskan.
- (Untuk Pemindahan Baki / FlexiPay / Flexi-On-Balance) Perlu menjelaskan sekurang-kurangnya bayaran minimum yang dinyatakan pada tarikh akhir pembayaran.
- (Untuk Pemindahan Baki PLUS / Cheque-On-Call Plus) Perlu membayar ansuran bulanan penuh pada tarikh akhir pembayaran setiap bulan.

### 4 Apakah caj kewangan dan bayaran yang perlu saya bayar?

#### Yuran Tahunan

	Kad Prinsipal	Kad Tambahan
Classic	RM90	RM50
Gold	RM175	RM100
Business Visa Gold	RM200	N/A
Platinum	RM250	RM135
Business Visa Platinum	RM300	N/A
JustOne Platinum MasterCard	RM250	Percuma
Preferred World MasterCard	RM350	Percuma
Priority Banking Visa Infinite	RM800	RM400

#### Yuran Bulanan

	Kad Prinsipal	Kad Tambahan
WorldMiles	RM15	Percuma
Kad Kredit Visa Translucent Standard Chartered	RM8	Percuma

Yuran tahunan Kad WorldMiles anda dibayar dalam bayaran 12 bulanan. Ia adalah diketahui sebagai Yuran Keahlian Miles.

Yuran tahunan untuk Kad Kredit Visa Translucent Standard Chartered anda akan dibayar dalam bayaran 12 bulanan.

#### Caj Pembayaran Lewat

Minima RM10 atau 1% daripada jumlah baki perlu bayar pada tarikh penyata, yang mana lebih tinggi, terhad kepada RM100 untuk setiap akaun.

#### Caj Khidmat Melebihi Had Kredit

Yuran RM50 akan dikenakan setiap kali jika Pemegang Kad melebihi had kredit yang diluluskan. Fi Perkhidmatan Lebih Had tidak dikenakan untuk Kad Kredit Visa Translucent Standard Chartered.

#### Kadar pertukaran wang asing untuk transaksi luar negara

Kadar tukar adalah ditentukan oleh Visa International atau MasterCard International termasuk kos pentadbiran sebanyak 1%.

#### Cukai Servis Kerajaan Tahunan (Berkuatkuasa 1 Januari 2010)

- Kad Prinsipal – RM50 bagi setiap kad setahun.
- Kad Tambahan – RM25 bagi setiap kad setahun.

#### \*\*Berkaitan untuk Cheque-On-Call Plus sahaja

Caj kewangan Pendahuluan Tunai sehingga 5%.

### 5 "Automatic Payment Apportionment" (APA)

#### Dua kaedah pembayaran Kad Kredit:

- Jika anda menggunakan "Automatic Payment Apportionment" (APA) – Sila buat bayaran kepada satu akaun kad sahaja. Pembayaran anda akan diperuntukkan secara automatik kepada akaun-akaun anda. Sekiranya anda telah memilih untuk menggunakan APA, segala pembahagian akan diketepikan dengan sendirinya.
- Jika anda TIDAK menggunakan APA – Sila buat bayaran kepada setiap akaun kad kredit anda. Sekiranya pembahagian tidak dinyatakan bagi nombor-nombor akaun, bayaran tidak akan dibuat dan Pemegang Kad akan dikenakan bayaran denda lewat. Bagi pembayaran melalui cek, sila catatkan nombor akaun dan amaun yang dibayar (untuk setiap akaun kad kredit) di belakang cek.

\*APA tidak tertakluk kepada mereka yang mempunyai "Standing Instruction" (SI)

### 6 Bagaimana jika saya gagal memenuhi obligasi saya?

#### Pembayaran balik bulanan minima

- (Untuk kemudahan kad kredit biasa dan untuk Pemindahan Baki / FlexiPay / Flexi-On-Balance) Bayaran balik bulanan minimum adalah 5% daripada jumlah tunggakan baki atau RM50 untuk setiap kad kredit / Akaun PLC, yang mana lebih tinggi. Amaun faedah yang perlu anda bayar dan masa yang diambil untuk membayar balik baki anda sepenuhnya akan meningkat jika anda hanya membayar amaun bayaran balik bulanan minimum.
- (Untuk Cheque-On-Call Plus) Bayaran balik bulanan minimum adalah amaun penuh ansuran bulanan yang perlu dibayar. Amaun faedah yang perlu anda bayar dan masa yang diambil untuk membayar balik baki anda sepenuhnya akan meningkat jika anda membayar kurang daripada amaun ansuran bulanan.

#### Caj pembayaran lewat

- Minima RM10 atau 1% daripada jumlah baki perlu bayar pada tarikh penyata, yang mana lebih tinggi, terhad kepada maksimum RM100 setiap akaun.

#### Hak membuat tolakan

- Kami mempunyai hak untuk menolak sebarang baki kredit dalam akaun anda yang diselenggarakan dengan kami bagi menjelaskan baki yang tertunggak dalam akaun kad kredit ini.

#### \*\* Akaun PLC

- Bayaran pembiayaan semasa sebanyak 18% setahun akan dikenakan ke atas baki yang tertunggak jika ansuran bulanan tidak dibayar balik sepenuhnya tepat pada masanya setiap bulan.

### 7 Bagaimana jika saya menyelesaikan sepenuhnya pinjaman sebelum tempoh matangnya?

#### Akaun Kad Kredit

Tidak berkaitan.

## **\*\* Akaun PLC**

- Untuk Pemindahan Baki dan Cheque-On-Call Plus, anda akan perlu menyelesaikan penuh ansuran baki bulanan (yang terdiri daripada kedua-dua prinsipal dan faedah) yang telah ditetapkan terlebih dahulu untuk seluruh tempoh berkenaan.
- Untuk FlexiPay dan Flexi-On-Balance/Pemindahan Baki PLUS, anda akan perlu menyelesaikan penuh baki prinsipal untuk seluruh tempoh berkenaan.

## **8 Apakah risiko utama?**

Dengan hanya membuat pembayaran balik bulanan minima, jumlah faedah dan masa yang diambil untuk menyelesaikan jumlah penuh akan bertambah. Fikirkan keupayaan pembayaran balik anda apabila menggunakan kad kredit.

Pembayaran melalui kad kredit ke atas pinjaman lain mungkin akan dikenakan caj yang lebih tinggi.

Bayaran pembiayaan yang dikenakan ke atas baki belum jelas kad kredit ini adalah berdasarkan struktur faedah bertingkat menurut sejarah pembayaran balik anda.

Jika anda mempunyai masalah untuk membayar baki kad kredit anda, sila hubungi kami dengan segera untuk membincangkan alternatif bagi pembayaran balik.

Anda dikehendaki memaklumkan dengan segera kepada Bank sekiranya berlaku kehilangan atau kecurian pada kad kredit anda.

### **Liabiliti bagi urusiaga**

Anda bertanggungjawab bagi sebarang kerugian yang dialami sekiranya anda menipu atau disebabkan oleh salah laku anda yang disengajakan.

### **Caj kewangan/faedah yang tidak diselesaikan**

Anda dikehendaki membayar caj pembayaran lewat (sepertimana yang diterangkan dalam perkara 6 di atas) selain bayaran pembiayaan bagi sebarang baki yang tertunggak di bawah perjanjian perbankan kami.

Sekiranya anda menghadapi masalah untuk memenuhi obligasi pembayaran balik anda, sila hubungi kami dengan segera untuk membincangkan alternatif bagi pembayaran balik tersebut.

## **\*\* Akaun PLC**

- Jika kad kredit anda ditamatkan, anda perlu menjelaskan kesemua baki yang terhutang di bawah kemudahan PLC tersebut.
- Bayaran pembiayaan semasa sebanyak 18% setahun akan dikenakan ke atas baki yang tertunggak jika ansuran bulanan tidak dibayar sepenuhnya tepat pada masanya setiap bulan.

## **9 Adakah saya memerlukan penjamin atau cagaran?**

Penjamin atau cagaran tidak diperlukan.

## **10 Apakah yang perlu saya lakukan jika saya bertukar alamat dan nombor telefon?**

Anda dikehendaki memaklumkan kami tentang sebarang perubahan alamat dan nombor telefon anda bagi memastikan anda menerima semua surat-menyurat tepat pada masanya.

## **11 Di manakah saya boleh mendapat bantuan dan pemulihan hutang peribadi?**

- Jika anda berdepan kesulitan untuk membuat bayaran, sila hubungi kami seawal mungkin bagi membincangkan kaedah bayaran yang lain.  
Sila hubungi kami di:  
Collections Inbound: 1-300-13-1322  
Faks: 03-9207 6633 / 03-9207 6634  
E-mel: Malaysia.Feedback@sc.com
- Selain itu, anda boleh mendapatkan khidmat Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), sebuah agensi yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia (BNM) untuk menyediakan khidmat pengurusan wang, kaunseling kredit, bimbingan kewangan dan pengstruktur hutang secara percuma kepada individu yang berkenaan.
- Anda juga boleh mendaftar untuk Program "Pengurusan Wang Ringgit Anda (POWER!)" anjuran BNM secara percuma, direka khusus untuk melengkapkan anda dengan pengetahuan kewangan penting dan kemahiran dalam pengurusan wang dan hutang peribadi. Maklumat tentang Program ini juga boleh didapati daripada risalah (terdapat di cawangan kami) atau daripada laman web AKPK.
- Jika anda tidak berpuas hati dengan perkhidmatan kami, anda boleh membuat aduan kepada kami untuk tindakan yang selanjutnya. Sila dapatkan keterangan lanjut tentang cara dan di mana anda boleh membuat aduan di mana-mana cawangan kami atau melalui laman web kami di [www.standardchartered.com.my](http://www.standardchartered.com.my)
- Jika pertanyaan atau aduan anda tidak diselesaikan secara memuaskan oleh kami, anda boleh menghubungi LINK atau TELELINK Bank Negara Malaysia di:  
Block D, Bank Negara Malaysia  
Jalan Dato' Onn  
50480 Kuala Lumpur  
Tel : 1-300-88-5465  
Faks : 03-2174 1515  
E-mel : [bnmtelexlink@bnm.gov.my](mailto:bnmtelexlink@bnm.gov.my)

## **12 Di manakah boleh saya mendapatkan maklumat lanjut?**

Jika anda memerlukan maklumat lanjut tentang kad kredit, sila merujuk kepada buku panduan *bankinginfo* tentang "Kad Kredit" yang disediakan di semua cawangan kami dan layari laman web [www.bankinginfo.com.my](http://www.bankinginfo.com.my)

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di Pusat Hubungan kami (24 jam) di 03-7718 9999.

**MAKLUMAN PENTING: TINDAKAN UNDANG-UNDANG BOLEH DIAMBIL TERHADAP ANDA JIKA ANDA GAGAL MEMBAYAR BALIK BAKI YANG TERTUNGGAK PADA KAD KREDIT ANDA.**

Maklumat yang disediakan dalam risalah penerangan ini adalah sah setakat November 2013.

Efektif 23 Ogos 2012, sila rujuk [standardchartered.com.my/feesncharges](http://standardchartered.com.my/feesncharges) untuk maklumat lanjut mengenai caj kewangan kad kredit baru dan denda bayaran lewat.

**\*\* Padam yang mana tidak berkaitan sebelum mengeluarkan dokumen ini kepada pelanggan**

# Mandatori jika produk PLC dipilih